



## PERSATUAN GEREJA-GEREJA DI SARAWAK (ASSOCIATION OF CHURCHES IN SARAWAK)

### Surat Pastoral Sempena Pilihan Raya Umum Ke-15 Malaysia 12<sup>th</sup> November 2022

Pada Pilihan Raya Umum Ke-15 2022, kita berpeluang untuk memilih barisan kepimpinan kita di Malaysia secara demokrasi. Sebagai sebuah organisasi keagamaan, ACS TIDAK menyokong mana-mana calon atau mana-mana parti politik. ACS menyeru semua umat Kristian untuk melaksanakan amanah penatalayanan kita sebagai umat Kristian. **Inilah hak dan tanggungjawab moral kita sebagai rakyat Malaysia untuk mengundi dengan bijak dan bertanggungjawab.** Masa depan negara kita berada di dalam tangan para pemimpin, sama ada lelaki atau wanita, yang bakal kita pilih untuk menerajui Kerajaan bagi penggal pentadbiran negara yang akan datang.

#### 1. Laksanakanlah amanah penatalayanan umat Kristian dan tanggungjawab moral kita dengan mengundi.

Dengan mengundi, kita mempertanggungjawabkan kerajaan dan calon-calon pilihan raya untuk sentiasa mengotakan apa yang dikatakan; menunaikan janji-janji mereka kepada rakyat; berkhidmat demi kebaikan dan kesejahteraan bersama; mempertahankan hak kebebasan beragama dan melestarikan budaya saling hormat menghormati dan saling menerima, selain mengutamakan keharmonian dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, agama dan budaya.

#### 2. Amatilah Sebelum Anda Mengundi

Pertimbangkanlah parti politik yang berkenaan dan integriti calon pilihan raya dari segi pembangunan, hak asasi rakyat, prinsip terhadap kebebasan beragama, dan keprihatinan terhadap kebajikan rakyat, dsb.

#### 3. Berdoa & Berpuasa

- (a) Secara peribadi: Berdoa dan berpuasa dari SEKARANG hingga Ahad selepas pilihan raya.
- (b) Sebagai komuniti: Berdoa bersama rakan dan umat Kristian yang lain.

#### 4. Pada Hari Mengundi, berdoa, amati & tandalah kertas undi anda – menurut hati nurani anda di hadapan Tuhan.

Semoga Roh Kudus memberi kita kebijaksanaan dan kecekalan hati semasa kita memilih mereka yang akan mewakili kita di Parlimen dan dalam Kerajaan. Kami menyeru agar anda semua bangkit, tegakkan kepentingan bersama, undi dengan bijak, dan semoga anda akan memberi rahmat kepada tanahair kita, berlandaskan dasar perpaduan dan keharmonian negara kita Malaysia.

Archbishop Simon Poh (ACS Chairman & Catholic Church)  
Sibu Bishop Joseph Hii & Miri Bishop Richard Ng (Catholic Church)  
Bishop Datuk Danald Jute (Anglican Church)  
Bishop Dr. Lau Hui Ming (SCAC)  
Bishop Bonnie Sedau (SIAC)  
Reverend Bina Agong (BEM)  
Pastor Semilee Tajau (SDA)  
Major Francis Ng (Salvation Army)